



# Buletin Fakta

Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia

## KNOWLEDGE. ACTION. IMPACT

EDISI 1 / 2015  
ISSN 2180  
www.iyres.gov.my

oleh Shahhanim Yahya

IYRES membawa *tag line* “KNOWLEDGE. ACTION. IMPACT” sejajar dengan peranan dan tanggungjawab yang diamanahkan sebagai *think tank* belia. IYRES berperanan untuk menyediakan data dan dapatkan kajian bagi diterjemahkan dalam bentuk dasar dan polisi pembangunan belia oleh pelbagai kementerian, agensi serta pemegangtaruh belia di Malaysia. IYRES sebagai gerbang ilmu dan pembawa maklumat adalah penting dalam menghubungkan belia dengan pengetahuan baru, sama ada melalui penyelidikan maupun arena perbincangan intelektual. Setiap strategi, inisiatif dan program pembangunan belia dilaksanakan berdasarkan hasil kajian dan penilaian bagi perancangan strategik pembangunan belia. IYRES melaksanakan strategi pemanfaatan melalui penilaian *outcome* dan impak terhadap setiap strategi, inisiatif dan program pembangunan belia yang dilaksanakan.

Dari aspek **KNOWLEDGE**, bidang peranan IYRES juga meliputi pengajuran program ilmu seperti persidangan, seminar, wacana ilmu, perbincangan meja bulat dalam bidang ilmu baru dan memperkayakan pengetahuan belia melalui interaksi percambahan ilmu. Baru-baru ini, IYRES dan Kementerian Belia dan Sukan (KBS) telah berjaya melaksanakan Persidangan Antarabangsa Pemimpin Muda bertemakan Keusahawanan Sosial Menjana Pembangunan Komuniti pada 19 hingga 21 Mac 2015 , di Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur. ICYL menghimpunkan pemimpin muda dalam kalangan Negara ASEAN bagi mengemaskini dan menambah nilai terhadap model keusahawanan sosial yang praktikal dan realistik. Persidangan ini telah menjadi *platform* yang strategik melalui perkongsian pakar-pakar bidang keusahawanan sosial di dunia bagi memberi inspirasi dan merealisasikan usaha untuk menggalakkan keusahawanan sosial dalam kalangan belia Malaysia. Sebagai contoh menerusi sesi **Keynote 4**, Prof. Dr. Dean Karlan ada mengeluarkan pandangan bahawa “**Solving for what people SHOULD do is not always the same as what people ACTUALLY do**” telah memberi inspirasi kepada peserta konferen.

Menerusi penekanan **ACTION** pula peranan IYRES ditonjolkan melalui platform, ruang dan peluang kepada golongan belia untuk membincangkan isu semasa pembangunan belia melalui forum dan persidangan intelektual. Forum dan persidangan intelektual akan membantu dalam pembentukan dan penambahbaikan dasar dan polisi berkaitan pembangunan belia di Malaysia berdasarkan resolusi yang telah didokumentkan dan dibentangkan ke peringkat lebih tinggi. Antara penambahbaikan polisi yang telah dilaksanakan adalah mengenai isu pemilikan perumahan dalam kalangan belia dengan mewujudkan skim perumahan belia yang merupakan inisiatif pihak kerajaan dalam membantu golongan belia untuk memiliki rumah sendiri hasil daripada hasil pembentangan resolusi Isu Pemilikan Perumahan Dalam Kalangan Belia.

**IMPACT** pula merupakan fokus utama pihak kerajaan dalam mengukur ke-



jayaan dan keberkesanannya sesuatu strategi, inisiatif dan program pembangunan belia, misalnya impak yang dibawa oleh dapatkan kajian asas dan gunaan seperti kajian kualiti hidup belia atau dikenali sebagai Indeks Belia Malaysia yang memaparkan 12 domain belia seperti pembangunan kendiri, hubungan sosial, identiti, potensi diri, waktu senggang, kesihatan, teknologi maklumat dan komunikasi, tingkah laku devian, kesajahteraan ekonomi, pendidikan, keselamatan dan sosialisasi politik. Dapat dari kajian yang dilaksanakan berdasarkan aktiviti masa senggang belia, kajian Indeks Belia Malaysia (IBM) contohnya berupaya menghasilkan perancangan yang lebih tepat dalam merencanakan aktiviti belia seperti kesukanan, kesukarelawanan yang digemari oleh belia berdasarkan citarasa dan trend belia masa kini melalui survei yang diedarkan. Penyelidikan yang dijalankan ke atas golongan belia dalam aktiviti devian dan juvana misalnya menggambarkan *pattern* yang ada dalam kalangan generasi belia negara yang boleh dibawa ke dalam aktiviti-aktiviti positif masih tinggi berbanding dengan jumlah belia yang terlibat dengan gejala yang negatif.

“**KNOWLEDGE.ACTION.IMPACT**”, menterjemahkan strategi IYRES mengaplikasikan peranan yang dipertanggungjawabkan kepada IYRES sebagai *focal point* kepada pembangunan belia di Malaysia melalui hasil kajian saintifik yang dijalankan dan menjadi rujukan dalam usaha memperkasaan belia Malaysia.

## IYRES Peneraju Penyelidikan Belia

Kajian dan penilaian merupakan mekanisme utama dalam pelaksanaan penyelidikan pembangunan belia. Pelaksanaan penyelidikan dengan mengaplikasikan ilmu-ilmu yang telah dipelajari perlu untuk menghasilkan inovasi agar Malaysia mampu bersaing dengan negara-negara lain dari segi R&D (*Research and Development*) terutamanya berkaitan pembangunan belia.

Sebagai sebuah pusat penyelidikan belia nasional di bawah naungan Kementerian Belia dan Sukan, IYRES melaksanakan pelbagai kajian dan penilaian yang merangkumi aspek pembangunan belia dan kaitannya dengan perubahan yang berlaku di peringkat nasional, rantau dan antarabangsa. Dalam memantapkan hasil penyelidikan yang berkualiti, IYRES memberi penekanan dengan memfokuskan kepada tiga bentuk kajian iaitu penyelidikan asas gunaan, penyelidikan penilaian dan tindakan serta tinjauan. Skop pelaksanaan kajian dan penilaian ini akan memfokuskan kepada penerokaan, deskriptif dan penjelasan.

Penerokaan merupakan dimensi kajian isu baru bagi mengupas persoalan apa yang berlaku. Deskriptif pula menghuraikan situasi secara terperinci bagi menghurai-kan proses keadaan serta fenomena itu terjadi,

sebagai contoh pada tahun ini juga IYRES akan menghasilkan Indeks Belia Malaysia 2015 (IBM'15) yang mengukur kualiti dan kesejahteraan hidup belia Malaysia melalui 12 domain dan 55 indikator yang dibangunkan. Antara penyelidikan berimpak tinggi yang dirancang untuk dilaksanakan adalah Kajian Kesedaran Belia Malaysia Terhadap Gagasan Komuniti ASEAN pada tahun 2015.

Kajian dan penilaian merupakan dua aspek penyelidikan yang berbeza di mana kajian merupakan kaedah yang akan melibatkan satu jangka masa yang sederhana dan panjang. Manakala, penilaian merupakan kaedah penyelidikan yang memerlukan jangka masa yang singkat atau pendek contohnya program perbincangan meja bulat yang dijalankan oleh IYRES. Selain itu, penyelidikan dijalankan dengan lebih terperinci berbanding penilaian yang lebih bersifat umum. Kajian mengandungi elemen pemantauan *outcome* dan impak manakala penilaian hanya merangkumi pemantauan *output*.

Terkini dalam arena penyelidikan oleh IYRES sebagai pusat penyelidikan, adalah memperkuuhkan integriti dan etika. IYRES kini telah merangka piagam integriti bagi meningkatkan ketelusan dan



kepercayaan terhadap hasil kajian IYRES. Bagi para pengkaji atau peyelidik muda dan mahasiswa yang sedang menjalankan penyelidikan penyeitan anda dalam *graduate research internship* di IYRES di alu-alukan.

Buletin Fakta edisi ini akan membekalkan anda dengan input-input yang membantu sidang pembaca mengenali bidang penyelidikan belia yang menjadi teras utama IYRES selaku pusat penyelidikan seranta. Antara topik yang terkandung dalam Buletin Fakta kali ini adalah hurai *tagline* IYRES yang dikenali sebagai Knowledge. Action. Impact. Konsep terkini IYRES terhadap peranan enumerator dan hasrat IYRES umtuk mewujudkan bidang kesukarelawanan baru dalam konteks sukarela belia sebagai enumerator komuniti bagi para belia yang berminat menceburi bidang penyelidikan awal.

Semoga pada pengisian kali ini mampu membawa dan membantu para pembaca memahami bidang penyelidikan belia yang dilaksanakan oleh IYRES. Semoga kesempatan yang kecil ini menjadi permulaan kepada usaha yang besar. Selamat membaca.

Dr. Wasitah Hj. Mohd Yusof  
drwasitah@iyres.gov.my

# SIDANG EDITOR



info@iyres.gov.my

### PENAUNG

YB Encik Khairy Jamaluddin  
Menteri Belia Dan Sukan

### PENASIHAT

Tuan Haji Adnan Abu Hassan  
Pengerusi  
Ahli Lembaga Pengarah IYRES

### KETUA PENGARANG

Dr. Wasitah Hj Mohd Yusof  
Ketua Pegawai Eksekutif IYRES

### KETUA EDITOR

Shariffah Mamat

### EDITOR

Siti Khadijah Hassan

### SIDANG PENGARANG

Mastura Mohamad  
Shahhanim Yahya  
Asnida Abdul Hamid  
Mohd Rizal Mohd Sham  
Mohd Saiful Nizam Mohd Zahri  
Nadya Shaffinaz Bajuri  
Noor Afifah Johari  
Noratiqah Talib  
Norhidayah Omar  
Nuurul Mizaan Ya'cob  
Shah Romnizam Ramli  
Nur Aqilah Syazwani Mohd Nor

### PEMASARAN

Noor Sheila Mhd Nasir  
Muhammad Zahid Alif Abdul Aziz



# KOMUNITI ENUMERATOR IYRES

Apabila penyelidikan menjadi keutamaan atau “core business” dalam sebuah entiti, keperluan cabang penyelidikan untuk menguruskan dan memudahkan aktiviti penyelidikan menjadi penting. Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) memerlukan sokongan dari pelbagai arah untuk mengekalkan kedudukan sebagai pusat penyelidikan pembangunan belia serta berada setaraf dengan kedudukan di peringkat antarabangsa. Hal ini kerana IYRES tidak terkecuali dalam menghadapi cabaran untuk berusaha menjadi pusat rujukan terunggul dalam bidang pembangunan belia di Malaysia.

Bagi memastikan pemantapan hasil penyelidikan yang berkualiti, IYRES sentiasa memastikan kecemerlangan dalam penyelidikan sebagai pakar rujuk utama dalam aspek pembangunan belia dengan membina kepakaran dalam-dalam dari pelbagai bidang serta mengikut kod etika dalam penyelidikan. Pelbagai bentuk latihan dan pendedahan diberikan bagi memastikan tahap kualiti serta kecekapan penyelidik dipertingkatkan dari semasa ke semasa.

Selain mengadakan kolaborasi strategik bersama tenaga pakar dari pelbagai dimensi pembangunan belia, IYRES turut menjalankan jalinan kerjasama dengan para belia di seluruh Malaysia yang dikenali sebagai “Komuniti Enumerator”. Komuniti Enumerator dibangunkan bertujuan untuk mengumpulkan data-data kumpulan sasar atau subjek kajian melibatkan kawasan di seluruh Malaysia. Inisiatif dalam mewujudkan pangkalan data ini adalah salah satu pendekatan yang lebih komprehensif dan berkesan bagi memperkasakan pangkalan data belia serta memudahkan proses pungutan data kajian dilakukan melibatkan seluruh Malaysia.

**“Kewujudan  
“Enumerator Komuniti”  
dilihat sebagai platform  
terbaik menyuburkan budaya  
penyelidikan khususnya ber-  
potensi untuk menyumbang  
kepada agenda strategik  
pembangunan belia”**

Komuniti Enumerator yang dilantik oleh pihak pengurusan IYRES akan diberi latihan dan Manual Kerja Pengumpulan data sebagai garis panduan kepada enumerator dalam menjalankan kerja pengumpulan data di kawasan kajian yang ditetapkan. Komuniti Enumerator berperanan sebagai individu perantara atau duta kecil IYRES dalam mengedarkan borang soal selidik kepada responden atau subjek kajian. Enumerator Komuniti diperlukan untuk meminimumkan risiko ‘bias’ dalam kajian yang dijalankan serta memberikan impak profesional dan imej kredibiliti kepada kajian.

Pendekatan ini turut membantu pihak IYRES melihat profil psiko grafik belia dan dapat mendiagnosis dengan lebih mendalam dalam sesuatu kawasan serta memberi gambaran sebenar situasi berkaitan belia.

Bagi para **BELIA YANG BERMINAT** dalam bidang penyelidikan dan ingin turut serta sebagai “*Enumerator Community IYRES*”, anda boleh mendaftar maklumat anda di portal IYRES iaitu <http://www.iyres.gov.my>



**ENUMERATOR  
COMMUNITY  
IYRES**

Untuk Maklumat Lanjut:  
Hubungi

NUR DIYANA  
NADIRAH  
Pegawai Tadbir

03-8871 3640  
diyana@iyres.gov.my

DIBUKA MULAI  
APRIL 2015

GRADUATE  
RESEARCH  
INTERNSHIP

Peluang Menjalankan Internship Penyelidikan Belia  
Untuk Para Graduan Pelbagai Peringkat Pengajian

IYRES  
INSTITUTE FOR YOUTH RESEARCH  
MALAYSIA

# FORUM IYRES


Sebagai Gerbang Interaksi Maya Belia

oleh : Noor Afifah Johari

Dunia kini hidup dalam era globalisasi yang berteraskan sains dan teknologi dalam rutin sehari-hari. Jadi, tidak hairanlah masyarakat pada masa kini menjadikan ia sebagai nadi dalam kehidupan bagi mencapai kemajuan serta pembaharuan dalam mengejar ilmu pengetahuan, mencari peluang meningkatkan untuk taraf hidup dan sebagainya terutamanya di kalangan generasi belia.

Media sosial seperti *facebook*, *twitter*,

*instagram*, blog, forum dan sebagainya menjadi platform yang paling digemari oleh golongan belia dalam menyuarakan pendapat dan maklumbalas mereka terutamanya berkaitan dengan isu-isu semasa. IYRES juga tidak melepaskan peluang dalam menyediakan satu ruangan sosial maya ini kepada masyarakat khususnya kepada golongan belia, iaitu ruangan Forum IYRES. Platform ini membolehkan golongan tersebut berinteraksi, berbincang dan menyuarakan pendapat antara mereka dengan lebih baik dan dalam masa yang sama dapat memberikan input kepada IYRES dalam menyelami dan mengkaji masalah kehidupan belia masa kini.



Untuk mengakses ke ruangan Forum IYRES ini, pengguna boleh membuat capaian ke <http://www.ippbm.gov.my/forum>.

## IBS 2014 MENJEJAK POTENSI BELIA SABAH

oleh : Mohd Rizal Mohd Sham



**INDEKS BELIA MALAYSIA (IBM)** merupakan petunjuk kepada beberapa parameter utama yang menggambarkan kualiti hidup dan kesejahteraan generasi belia di Malaysia. Secara keseluruhan, IBM telah dimulakan pada tahun 2006 dan telah mencetuskan siri pengukuran indeks belia pada tahun 2008 dan 2010, di mana indeks ini telah dibentangkan kepada pelbagai lapisan pembuat dasar yang relevan dengan belia.

Menyedari kepelbagaiannya dan keunikan belia berdasarkan pengaruh geografi, terdapat keperluan untuk melaksanakan indeks belia yang khusus mempolakan indikator utama belia di Malaysia Timur, khususnya di Sabah. Buat pertama kali, Kementerian Belia dan Sukan Malaysia melalui agensi Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) dengan kerjasama Kementerian Belia dan Sukan Sabah (KBSS) telah mencetuskan kolaborasi penyelidikan untuk penghasilan indeks belia khusus untuk negeri Sabah, yang dikenali sebagai **INDEKS BELIA SABAH (IBS 2014)**.

Seramai 4,027 responden telah terlibat dalam kajian ini merangkumi 25 daerah di Negeri Sabah. Pasukan Pakar Rujuk IBS telah dipertanggungjawabkan untuk menganalisa dan membuat interpretasi data yang diperolehi berdasarkan 12 domain yang merangkumi pembangunan kendiri, hubungan sosial, identiti, potensi diri, waktu senggang, kesihatan, teknologi maklumat dan komunikasi, tingkah laku devian, kesejahteraan ekonomi, disamping memperkenalkan tiga (3) domain baru iaitu pendidikan, keselamatan dan sosialisasi politik yang dibangunkan melalui 55 indikator yang telah dikenal pasti. Proses ini amat penting dalam melihat gambaran menyeluruh serta keadaan sebenar belia di Negeri Sabah.

IBS'14 telah memberi manfaat kepada Kerajaan Negeri Sabah khususnya sebagai penanda aras “Benchmarking” dalam mengukur tahap kualiti dan kesejahteraan hidup belia di Negeri Sabah. Dengan itu usaha yang lebih sistematik perlu diwujudkan untuk memastikan pekerja belia terlatih untuk membantu generasi belia untuk meningkatkan prestasi mereka terhadap indikator-indikator yang menjadi asas pembangunan diri mereka mengikut domain serta indikator yang dibangunkan.





## KEUSAHAWANAN SOSIAL MENJANA PERUBAHAN KOMUNITI

oleh : Nadya Shaffinaz Bajuri

**PWTC, KUALA LUMPUR** 19–21 Mac 2015 - Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES), Kementerian Belia dan Sukan (KBS) telah menganjurkan Persidangan Antarabangsa Pemimpin Muda (ICYL 2015) yang bertemakan "Keusahawanan Sosial Menjana Perubahan Komuniti". Program tersebut diadakan bertujuan untuk membincangkan senario semasa mengenai keusahawanan sosial sebagai satu pemungkin dalam usaha KBS melahirkan generasi muda yang mempunyai kesedaran untuk membawa perubahan positif kepada masyarakat.

Seramai 385 peserta belia dari sekitar negara ASEAN dan tempatan terdiri daripada individu, organisasi, agensi, badan korporat yang terlibat dengan keusahawanan sosial, belia dari NGO, mahasiswa IPTA dan IPTS yang berkecimpung dalam keusahawanan sosial serta mempunyai pendidikan keusahawanan sosial, persatuan belia dan lain-lain pemegang taruh di Malaysia telah menyertai program yang diadakan selama 3 hari ini.

Antara kandungan persidangan ialah siri ucaptama dan perasmian yang akan diterajui oleh YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Najib Tun Abdul Razak dan diteruskan dengan pemberangan kertas kerja oleh pembentang dari dalam negeri dan luar negeri iaitu antaranya ialah **Prof. Dean Dr. S. Karlan (Universiti YALE, US)**, **En. Jose Luis Oquinena (Filipina)**, **Ms. Jaya Myler (Singapura)** dan lain-lain. Malah pihak Malaysian Global Innovation & Creativity Centre (MaGIC) yang pada masa ini berperanan sebagai pemandu kepada perkembangan keusahawanan sosial dan terlibat memperjelaskan mengenai hala tuju dan visi keusahawanan sosial dalam kalangan belia di Malaysia.



Kaedah perkongsian pengalaman dengan industry player dalam negara juga telah dilaksanakan. Sebanyak 6 pilihan topik bagi bengkel-bengkel selari ditawarkan kepada para belia disertai oleh Scope Group Malaysia, Genovasi Malaysia, Social Enterprise Alliance (SEA), MyHarapan, Myskills Foundation, dan Amanah Ikhtiar Malaysia.

ICYL 2015 telah memberi perhatian dan penghargaan istimewa kepada gologan belia yang terlibat dalam menyumbang idea mahupun tenaga kepada usaha pembangunan belia di Malaysia dalam konteks Keusahawanan Sosial. Anugerah ini adalah Anugerah Tunas Harapan atau Hope Awards yang telah disampaikan oleh YAB Perdana Menteri. Anugerah ini dinilai menerusi 7 kategori iaitu 'Education & Employability', 'Civic Action & Human Rights', 'Environmental Conservation & Sustainability', 'Arts, Culture & Heritage', 'Less is More', 'Poverty Alleviation' dan 'Youth-Friendly Company of The Year'. Penilaian terhadap anugerah ini telah dilaksanakan oleh pihak IYRES dengan kerjasama MyHARAPAN.

Malah peserta yang terlibat dengan ICYL 2015 juga berpeluang menyebarluaskan jalinan hubungan di antara satu sama lain dalam Majlis Networking Session yang diadakan pada malam hari pertama program tersebut.

Di samping itu, ICYL 2015 ini juga memberi laluan kepada usahawan sosial dari seluruh Malaysia untuk menonjolkan bakat serta mengenangkan perniagaan yang dijalankan menerusi booths pameran yang disediakan. Sebanyak 48 booth telah dibuka dengan pelbagai jenis jualan seperti makanan-makanan unik, barang unik, bank yang menawarkan pinjaman khusus untuk usahawan sosial, beberapa organisasi yang menawarkan khidmat konsultansi berkaitan usahawan sosial dan pelbagai lagi.



# GIS : APLIKASI PINTAR DALAM PENYELIDIKAN

GIS (Sistem Maklumat Geografi) adalah sistem yang berasaskan komputer yang direka bentuk untuk menyokong perolehan, penyimpanan, pengolahan dan penganalisaan data. Penyimpanan data dalam GIS akan membawa kepada himpunan, penyimpanan dan penyebaran data yang lebih efektif. Sistem ini berupaya membentuk peta digital berdasarkan maklumat dan data yang telah dimasukkan dan mewujudkan satu konsep taburan data yang dikehendaki.

Sehubungan itu, teknologi yang ada di aplikasikan dalam bidang penyelidikan terutamanya dalam bidang perancangan sosial untuk mendatangkan manfaat kepada individu, keluarga dan masyarakat. Perancangan Pembangunan Belia menggunakan GIS akan membolehkan penilaian serta perancangan yang lebih strategik dan menepati kumpulan sasar dan mampu menyumbang kepada penggunaan sumber negara yang lebih berkesan.

## KAEDAH PEMBENTUKAN PEMETAAN BELIA MALAYSIA

### DATA PREMIER



Diperoleh melalui penyelidikan yang dijalankan melibatkan 21,665 responden daripada 78 buah daerah

### DATA SEKUNDER



Diperoleh daripada agensi-agensi Kerajaan /NGO

### GIS



### PENERBITAN BUKU



## ANALISIS DATA

Asas Pemetaan Belia Malaysia adalah dalam bentuk digital di mana maklumat boleh diakses melalui <http://petabelia.kbs.gov.my>

Sumber : [www.iyres.gov.my](http://www.iyres.gov.my)

oleh : Norhidayah Omar

## FACT SHEET

Kadar GST di Malaysia sebanyak 6% adalah yang paling rendah di kalangan negara-negara ASEAN iaitu

**10%** di Indonesia, Vietnam, Kemboja, Filipina, Laos dan

**7%** di Singapura dan Thailand.

Sumber : Statistik Belia Malaysia : Data Semasa 2013 Volume 2

RESEARCH INTEGRITY FRAMEWORK				
SPECIFIES REQUIREMENTS	IDENTIFY REQUIREMENTS FOR CARRYING OUT THE STUDY		RESEARCH LITERATURE	CONCEPTION
DESIGN	OUTPUT DESIGN	DESIGN THE VARIABLE DESCRIPTION	DESIGN THE METHODOLOGY OF DATA COLLECTION	DESIGN OF METHODOLOGY FRAME & SAMPLE
CONSTRUCTION PROCESS	CONSTRUCT INTRUMENT		TEST THE INSTRUMENT	
DATA COLLECTION	PRESCRIBING THE METHOD OF COLLECTION		CONDUCTING THE COLLECTION	FINALIZE DATA COLLECTION
ANALYSIS & DATA INTERPRETATION	DATA CLEANING PROCESS		ANALYZE DATA	INTERPRET DATA
REPORTING	WRITING THE FIRST REPORT		WRITING THE FINAL REPORT	
PRESENTATION	PRESENT THE RESULTS		PEER REVIEW	
DISTRIBUTION OF INFORMATION	FINDINGS	DEPLOYMENT OF PRODUCTS	MANAGE DISTRIBUTION	PRODUCT PROMOTION
ARCHIVES	PRESCRIBE REGULATION		MANAGE ARCHIVES	STORE THE DATA

Sumber : Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia